

17 MAY 1997

Mahathir-status

SYARIKAT DI LUAR MSC BOLEH CAPAI STATUS MSC

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) yang berada di luar bandar Cyberjaya dalam Koridor Raya Multi Media (MSC) boleh dipertimbangkan bagi mendapat status MSC asalkan mereka memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

MDC sedang memproses permohonan syarikat-syarikat itu untuk diletakkan di bawah kategori MSC, yang memberikan mereka status itu walaupun mereka berada di tempat asal mereka, katanya di sidang berita selepas merasmikan upacara pecah tanah bandar Cyberjaya di sini.

"Contohnya, TTM (Taman Teknologi Malaysia) adalah sebahagian daripada strategi pembangunan di kawasan itu dan ASTRO merupakan pusat pengeluaran kandungan media. Mereka boleh beroperasi dari tempat di mana mereka berada," katanya.

Bagi syarikat-syarikat yang berhasrat untuk menjalankan sebahagian aktiviti mereka di MSC, mereka boleh dipertimbangkan bagi mendapatkan tiga keistimewaan MSC seperti yang dimaklumkan oleh MSC, kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada Microsoft Corporation akan menubuhkan cawangannya di MSC, beliau berkata "mereka merancang menubuhkan ibu pejabat serantau di sini" dan menambah kata permohonan daripada Microsoft sedang diproses.

Perdana Menteri berkata MDC meletakkan matlamat mendapatkan 50 syarikat status MSC pada tahun 2000.

"Bagaimanapun minat yang ditunjukkan sungguh besar, kita mungkin mencapai matlamat itu lebih awal," katanya.

Terdahulu semasa upacara pecah tanah, Dr Mahathir menyerahkan topi keledar sebagai simbol penerimaan status MSC kepada 41 syarikat tempatan dan asing.

Antara 21 syarikat tempatan yang berjaya mendapat status itu ialah Mimos Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Alam Teknokrat, Permodalan Nasional Berhad dan Universiti Multi Media.

Antara syarikat asing pula ialah Nippon Telegraph and Telephone Corp (NTT), NCR, Hewlett Packard dan Intel. -- BERNAMA

NI OBA